



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

DASAR

**PENGAJIAN STRUKTUR 3 +1
PROGRAM AKADEMIK PRASISWAZAH
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**UNIT SENAT, KONVOKESYEN, PENTADBIRAN AM DAN KEWANGAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN AKADEMIK
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
KAMPUS BACHOK
Beg Berkunci No. 1, 16300 Bachok, Kelantan
09-7797000
www.umk.edu.my**

Diluluskan oleh Senat Bil. 4/2016 (Kali ke- 85), 8 Mei 2016


Disahkan benar:

Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,
Dekan Prasiswazah
Tarikh: 9/11/2016

Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Tarikh:.....


	KANDUNGAN	MUKASURAT
1.0	Pendahuluan	1
2.0	Objektif Dasar	1
3.0	Pernyataan Dasar	
	3.1 Tempoh Pembelajaran	2
	3.2 Program Pengajian	3
	3.3 Keperluan Kredit	3-4
	3.4 Penyeliaan	4
	3.5 Penempatan Pelajar	5
	3.6 Kemudahan	5
	3.7 Perjanjian	6
	3.8 Harta Intelek	6
	3.9 Punca Kuasa	7
4.0	Pengabaian	7
5.0	Glosari	8-9

Diluluskan oleh Senat Bil.
4/2016 (Kali ke- 85), 8 Mei
2016



 Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,
 Dekan Prasiswazah
 9/11/2016

Disahkan benar:



 Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman
 Timbalan Naib Canselor (Akademik &
 Antarabangsa)

1.0 PENDAHULUAN


- 1.1 Dokumen ini menggariskan Dasar Pengajian Struktur 3+1 (PS3+1) bagi program akademik prasiswazah yang dijalankan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- 1.2 Penekanan Dasar ini adalah lebih kepada komponen, proses serta kaedah pembelajaran dan pengajaran di lokasi bukan tradisional.
- 1.3 Dasar ini disediakan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK dan boleh berubah mengikut keperluan semasa.
- 1.4 Sebarang perubahan Dasar ini akan dibentangkan di Mesyuarat Senat Universiti untuk mendapat kelulusan sebelum dimaklumkan kepada pihak berkepentingan.

2.0 OBJEKTIF DASAR


- 2.1 Objektif utama Dasar ini ialah untuk melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang sejajar dengan keperluan negara.
- 2.2 Objektif yang lebih spesifik adalah untuk:
 - 2.2.1 Membolehkan Universiti menggunakan sumber dalam dan luar untuk meningkatkan keberkesanan dalam proses pembelajaran pelajar;
 - 2.2.2 Membantu pelajar menerokai dan berkongsi ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengetahuan dengan pihak industri, komuniti dan alam sekeliling supaya kedua-dua pihak akan mendapat manfaat yang sewajarnya; dan
 - 2.2.3 Membina jati diri pelajar supaya lebih berdaya saing dan mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

Diluluskan oleh Senat Bil.
4/2016 (Kali ke- 85), 8 Mei
2016

1


.....
Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,
Dekan Prasiswazah
9/11/2016

Disahkan benar:


.....
Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman
Timbalan Naib Canselor (Akademik &
Antarabangsa)

3.0 PERNYATAAN DASAR

Dasar PS3+1 dinyatakan seperti berikut:

3.1 Tempoh Pembelajaran

3.1.1 PS3+1 akan memberi peluang kepada pelajar melalui proses pembelajaran selama TIGA (3) tahun di kampus dan SATU (1) tahun di luar bilik darjah tradisional (termasuk melalui *platform* e-pembelajaran) atau di luar kampus yang kedua-duanya dirujuk sebagai lokasi bukan tradisional sahaja.

3.1.2 Proses pembelajaran di lokasi bukan tradisional sama ada di dalam atau di luar negara akan melibatkan kursus atau projek berikut:


- a) Latihan Industri;
- b) Aparentis Industri;
- c) Projek Penyelidikan;
- d) Pembelajaran Elektronik (e-learning/online learning)
- e) Program Pelajar di Enterpris (SIEP);
- f) Projek Perniagaan Siswa;
- g) Program Mobiliti Pelajar; dan
- h) Kursus atau projek lain yang mendapat kelulusan Senat.

3.1.3 Selain daripada Semester Lazim, Pusat Akademik boleh menggunakan Semester Pendek untuk melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran PS3+1.


3.1.4 Pusat Akademik akan menentukan sendiri tahap pengajian dan mana-mana semester yang bersesuaian untuk menempatkan pelajar di lokasi bukan tradisional bagi program masing-masing.

2

Diluluskan oleh Senat Bil.
4/2016 (Kali ke- 85), 8 Mei
2016


.....
Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,
Dekan Prasiswazah
9/11/2016

Disahkan benar:


.....
Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman
Timbalan Naib Canselor (Akademik &
Antarabangsa)

3.2. Program Pengajian


- 3.2.1 Semua program pengajian prasiswazah di Universiti akan menyertai PS3+1, kecuali program pengajian yang terikat kepada kelulusan badan-badan profesional atau program pengajian yang dibenarkan pengecualian oleh Senat Universiti.
- 3.2.2. Hasil pembelajaran di lokasi bukan tradisional tetap tertakluk kepada Hasil Pembelajaran Program yang ditetapkan oleh pihak MQA.
- 3.2.3 Kaedah penyampaian kursus atau projek di lokasi bukan tradisional akan dipelbagaikan dengan mengambil kira perkembangan kaedah pembelajaran dan teknologi semasa mengikut keperluan program atau kursus berkenaan.
- 3.2.4 Kaedah pentaksiran kursus atau projek di lokasi bukan tradisional akan dipelbagaikan mengikut keperluan program atau kursus berkenaan. Pentaksiran adalah selaras dengan Penjajaran Konstruktif mengikut prinsip Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE). Ia akan dilakukan dengan menggunakan alat taksiran, termasuk skema jawapan dan/atau ruberik yang bersesuaian dengan Hasil Pembelajaran Program (PLO) dan Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) bagi program atau kursus akademik masing-masing.

3.3 Keperluan Kredit

- 3.3.1 Pusat Akademik akan menentukan sendiri bilangan jam kredit bagi kursus atau projek di lokasi bukan tradisional tertakluk kepada kelulusan Senat Universiti.

Diluluskan oleh Senat Bil.
4/2016 (Kali ke- 85), 8 Mei
2016

3


.....
Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,
Dekan Prasiswazah
9/11/2016

Disahkan benar:


.....
Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman
Timbalan Naib Canselor (Akademik &
Antarabangsa)


- 3.3.2 Pusat Akademik juga akan menentukan bilangan kredit yang perlu disempurnakan oleh pelajar sebelum mengikuti kursus atau projek di lokasi bukan tradisional.
- 3.3.3 Pelajar perlu menyempurnakan semua kredit yang ditetapkan bagi kursus atau projek di lokasi bukan tradisional sebelum mereka dianugerahkan dengan ijazah masing-masing.
- 3.3.4 Pengiraan kredit bagi kursus atau projek di bawah PS3+1 adalah berdasarkan kepada polisi yang ditetapkan oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan/atau Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

3.4 Penyeliaan


- 3.4.1 Universiti atau Pusat Akademik perlu menetapkan kaedah penyeliaan di lokasi bukan tradisional seperti lawatan, buku log dan kaedah pelaporan yang bersesuaian dengan kursus dan projek yang berkenaan.
- 3.4.2. Pelajar yang mengikuti kursus atau projek yang tertentu akan diselia oleh sekurang-kurangnya seorang Penyelia Pusat Akademik dan/atau Penyelia Luar yang dilantik oleh Pusat Akademik mengikut kesesuaian kursus atau projek berkenaan.
- 3.4.3 Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) akan mengawasi pelaksanaan PS3+1 yang akan dilaporkan kepada Senat Universiti mengikut keperluan.

4

Diluluskan oleh Senat Bil.
4/2016 (Kali ke- 85), 8 Mei
2016


.....
Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,
Dekan Prasiswazah
9/11/2016

Disahkan benar:


.....
Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman
Timbalan Naib Canselor (Akademik &
Antarabangsa)

3.5 Penempatan Pelajar

- 3.5.1 Pusat Akademik akan mempertimbang dan menentukan permohonan penempatan pelajar di lokasi bukan tradisional.
- 3.5.2 Sebarang permohonan pertukaran penempatan, kursus atau projek oleh pelajar di lokasi bukan tradisional akan ditentukan oleh Pusat Akademik.
- 3.5.3 Penempatan pelajar di lokasi bukan tradisional di luar semester adalah tertakluk kepada persetujuan di antara pelajar dan pihak industri berkenaan dan tidak diambil kira bagi tujuan pentaksiran kursus dan pengijazahan.

3.6 Kemudahan

- 3.6.1 Kemudahan penginapan dan pengangkutan di lokasi bukan tradisional tidak akan disediakan kepada pelajar.
- 3.6.2 Pelajar boleh diberi pengecualian yuran yang tertentu sepanjang mereka berada di lokasi bukan tradisional tertakluk kepada persetujuan Universiti.
- 3.6.3 Pihak Universiti tidak akan menanggung sebarang kos kerja kursus atau projek pelajar atau kos lain yang berkaitan.
- 3.6.4 Pelajar yang ditempatkan di lokasi bukan tradisional di dalam negara adalah tertakluk kepada kemudahan perlindungan insuran yang disediakan oleh pihak Universiti.
- 3.6.5 Pelajar yang ditempatkan di luar negara juga akan dilindungi oleh pihak Universiti.

3.7 Perjanjian


- 3.7.1 Apabila sesuatu kursus atau projek melibatkan pihak luar, setiap pihak yang terlibat (pelajar, penyelia Universiti dan wakil organisasi luar) boleh menandatangani *Non-Disclosure Agreement* (NDA) dan Hak Harta Intelek bagi menjaga kepentingan masing-masing.
- 3.7.2 Perjanjian dalam perkara 3.7.1 perlu mendapatkan kelulusan Universiti. Jika tidak, Pusat Akademik atau Universiti tidak akan mengambil tanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang ditanggung oleh pelajar, penyelia Universiti atau pihak yang berkaitan.

3.8 Harta Intelek


- 3.8.1 Sebarang Harta Intelek (IP) yang dihasilkan oleh pelajar mahupun pensyarah Universiti sebelum mengikuti kursus atau projek di lokasi bukan tradisional dan digunakan di dalam kursus atau projek adalah hak milik UMK. Bagaimanapun dengan kebenaran secara bertulis daripada pihak Universiti atau Pusat Akademik, organisasi yang terlibat boleh mengakses kepada Harta Intelek berkenaan.
- 3.8.2 Sebarang Harta Intelek (IP) yang dihasilkan oleh mana-mana organisasi sebelum pelajar mengikuti kursus atau projek di lokasi bukan tradisional dan digunakan di dalam kursus atau projek adalah hak milik organisasi berkenaan.
- 3.8.3 Semua Harta Intelek (IP) yang dihasilkan sama ada oleh pelajar sendiri atau dengan kerjasama organisasi sepanjang kursus atau projek di lokasi bukan tradisional adalah milik bersama UMK dan organisasi terlibat.

6

Diluluskan oleh Senat Bil.
4/2016 (Kali ke- 85), 8 Mei
2016


.....
Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,
Dekan Prasiswazah
9/11/2016

Disahkan benar:


.....
Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman
Timbalan Naib Canselor (Akademik &
Antarabangsa)

3.8.4 Sebarang isu berkaitan Harta Intelek boleh dirujuk kepada Dasar Harta Intelek dan Pengkomersialan UMK.

3.9 Punca Kuasa

3.9.1 PS3+1 adalah tertakluk kepada segala undang-undang, dasar, peraturan, standard dan garis panduan yang ditetapkan/diluluskan oleh KPT, MQA, agensi penguatkuasa berkenaan, badan-badan profesional yang berkaitan dan/atau Senat Universiti.

3.9.2 Segala undang-undang, dasar, peraturan, standard dan garis panduan yang diadakan oleh pihak Universiti atau Pusat Akademik yang berkait dengan kursus atau projek di lokasi bukan tradisional akan tertakluk kepada Dasar ini.

4.0 PENGABAIAN


4.1 Jika didapati mana-mana Perkara dalam Dasar ini bertentangan dengan mana-mana klausa atau perkara dalam undang-undang, dasar dan peraturan yang sedang berkuatkuasa di peringkat nasional, negeri atau Universiti, maka dengan sendirinya Perkara berkenaan perlu diabaikan.

Diluluskan oleh Senat Bil.
4/2016 (Kali ke- 85), 8 Mei
2016

7

.....
Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,
Dekan Prasiswazah
9/11/2016

Disahkan benar:


.....
Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman
Timbalan Naib Canselor (Akademik &
Antarabangsa)

5.0 GLOSARI

Dalam Dasar ini melainkan konteksnya menghendaki maksud yang lain:-


- 5.1 Bilik darjah tradisional** bermaksud suatu tempat atau lokasi yang ditetapkan untuk membolehkan sekumpulan pelajar menjalani proses pembelajaran, pengajaran dan pentaksiran dengan berpaksikan kepada pensyarah.
- 5.2 e-pembelajaran** merujuk kepada kaedah pembelajaran atau penyampaian dan/atau pentaksiran kurikulum atau kursus bagi sesuatu program pengajian yang dilakukan bukan secara bersemuka, tetapi melalui Internet di mana-mana lokasi selain daripada bilik darjah tradisional di kampus Universiti.
- 5.3 Kampus** merujuk kepada Kampus Universiti, iaitu lokasi di mana proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di tempat yang diwartakan di bawah pemilikan atau penyeliaan UMK, termasuk Kampus Pengkalan Chepa, Bachok dan Jeli. Lokasi selain daripada Kampus adalah dianggap sebagai luar kampus.
- 5.4 Lokasi Bukan Tradisional** merujuk kepada tempat atau *platform* pembelajaran di luar bilik darjah tradisional (termasuk e-pembelajaran) atau di luar kampus Universiti sama ada di dalam atau luar negara.
- 5.5 Pembelajaran fleksible** memberi pilihan kepada pelajar untuk menentukan bila, di mana dan bagaimana mereka belajar. Biasanya, kaedah pembelajaran ini melibatkan pengumpulan dan pindahan kredit.
- 5.6 Penjajaran Konstruktif** didefinisikan sebagai keseiringan antara kaedah pentaksiran, penyampaian dan hasil pembelajaran yang ingin dicapai dalam sesuatu program pengajian.

8

Diluluskan oleh Senat Bil.
4/2016 (Kali ke- 85), 8 Mei
2016


.....
Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,
Dekan Prasiswazah
9/11/2016

Disahkan benar:


.....
Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman
Timbalan Naib Canselor (Akademik &
Antarabangsa)

- 5.7 **Pihak berkepentingan** bermaksud pelajar, staf akademik dan staf bukan akademik Universiti serta pihak lain termasuk rakan universiti, rakan industri, persatuan dan komuniti yang berkaitan.
- 5.8 **Program Mobiliti Pelajar** memberi peluang kepada pelajar Universiti mendapatkan pengalaman pembelajaran dengan mengikuti kursus yang diluluskan oleh Pusat Akademik Universiti yang ditawarkan oleh Pusat Akademik atau universiti lain di dalam atau luar Malaysia, secara pindahan kredit atau pun tidak.
- 5.9 **Program Pembelajaran Berasaskan Kerja** (Work-based Learning Programme, WBL) seperti *internships*, *mentoring*, dan *apprenticeship* membantu pelajar meningkatkan pengetahuan akademik dan kemahiran mereka dengan mengaitkan ilmu yang dipelajari di kampus dan amalan yang dipelajari di tempat kerja.
- 5.10 **Pusat Akademik** adalah fakulti, pusat atau entiti akademik yang menawarkan program pengajian prasiswazah yang berkenaan.
- 5.11 **Universiti** ialah Universiti Malaysia Kelantan (UMK), kecuali jika disebut sebaliknya.
- 5.12 **Universiti Awam** (UA) adalah merujuk kepada universiti yang sebahagian besarnya dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.